



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Najib Tun Razak, Dr. Mahathir Mohamad, S. Samy Vellu dan S. Subramaniam pada perasmian Perhimpunan Agung MIC ke-58 di Shah Alam, semalam.

ITM penuh keperluan tenaga profesional

SHAH ALAM 21 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah mewujudkan semula Institut Teknologi Mara (ITM) akan dapat memenuhi tuntutan keperluan tenaga kerja profesional untuk menyumbang kepada Pembangunan negara.

Perdana Menteri menegaskan, para graduan berkelulusan diplomajuga adalah golongan profesional yang berupaya mengurus dan mentadbir negara bersesuaian dengan tahap kelulusan mereka.

"Kita melihat bahawa mesti ada satu peringkat pengajian yang menawarkan diploma.

"Jadi dilihat wujud keperluan dalam pembangunan tenaga manusia di negara kita ini iaitu keperluan kepada pekerja berkelulusan diploma," katanya yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-58 di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas cadangan untuk mewujudkan semula ITM yang 'hilang' selepas dinaikkan taraf menjadi Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 1999.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah semalam ketika menjelaskan laporan muka depart *Utusan Malaysia* kelmarin berkata, ITM dijangka mengambil kira-kira 3,000 pelajar apabila ia memulakan Pengajian suiting pada penghujung tahun depan.

Langkah mewujudkan Semula ITM itu mendapat sokongan daripada pelbagai pihak ke-

rana ia dilihat memberi peluang kepada pelajar Melayu dan bumiputera yang memperoleh keputusan cemerlang tetapi gagal melanjutkan pelajaran ke UiTM dan universiti-universiti awam lain, meneruskan pengajian mereka.

Ibrahim memberitahu, pelan akhir penubuhan semula ITM telah siap dan kini dalam proses untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah UiTM sebelum mendapat kelulusan.

Dalam perkembangan lain, ditanya mengenai kenyataan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Radzi Sheikh Ahmad bahawa 'perisik' parti telah mengesan calon termasuk pemimpin kanan parti yang terlibat dengan gejala politik wang menjelang pemilihan parti September ini, Abdullah yang juga Pemangku Presiden UMNO berkata:

"Kita menghadapi isu politik wang ini dengan serius kerana kita tidak mahu ia menguasai UMNO dan saya juga diberitahu bahawa ahli-ahli parti mula memahami hasrat pucuk pimpinan itu."

Kata beliau, penubuhan 'perisik' itu merupakan pendekatan oleh Ibu Pejabat UMNO dalam usaha menghapuskan gejala yang ditolak oleh parti di semua peringkat.

"Kita tengoklah apa hasilnya nanti (keberkesanan melantik 'ejen perisik' UMNO)," tambahnya.

Semalam Radzi dilaporkan berkata, Lembaga Disiplin akan memanggil calon terbabit untuk membela diri sebelum Perhimpunan Agung UMNO akhir bulan depan.

Naib Presiden UMNO yang kini menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Najib Tun

Razak berkata, 'ikan-ikan besar dalam UMNO tidak akan terlepas daripada hukuman jika terbukti bersalah mengamalkan politik wang.

Beliau menegaskan, UMNO tidak akan mengamalkan sikap pilih kasih dalam hal itu.

"Tidak ada beza, ikan besar atau ikan-ikan kecil," katanya ketika mengulas perkara yang sama.

Najib yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perayaan Aman Peace anjuran komuniti Sikh di sini, hari ini.

Najib menjelaskan pendirian pucuk pimpinan parti dalam isu politik wang adalah jelas dan tidak akan membiarkan ia terus merebak dalam parti.

Oleh itu, tegas beliau, pelbagai pendekatan telah diambil termasuk menubuhkan jawatankuasa pemantau.

Katanya, jawatan kuasa pemantau kini sedang giat berusaha bukan sahaja mengawal tetapi mendapat maklumat dan fakta berhubung dengan salah guna kuasa serta politik wang.

"Kita tungguhlah perkembangan seterusnya tetapi keputusan yang telah dibuat ini jelas membayangkan iltizam pucuk pimpinan untuk terus membahteras politik wang," katanya.

Beliau menambah, dalam hal ini, pihaknya memberi sepenuh kebebasan kepada Lembaga Disiplin menentukan hukuman yang sewajarnya.

Katanya, pucuk pimpinan parti tidak akan mempengaruhi sebarang tindakan dan keputusan lembaga itu.